

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 417 Kaedah Mengajar Sejarah II

[Masa : 2 jam]

Jawab soalan No.1 dan DUA soalan yang lain.

1. Objektif-objektif pendidikan sejarah sebagaimana yang disarankan di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah menepati keperluan masyarakat Malaysia masakini. Bincangkannya dengan memberi contoh-contoh yang spesifik.

(40 markah)
2. Di dalam bukunya "The Process Of Education", Jerome Bruner telah mengandaikan bahawa struktur ilmu sejarah adalah berpadanan dengan struktur ilmu sains sosial. Bincangkan pendapatnya dalam konteks 'pemikiran sejarah'.

(30 markah)
3. Buat satu penilaian ke atas Sukatan Pelajaran Tingkatan VI dari segi objektif, kandungan dan pelaksanaannya. Jawapan anda hendaklah memberi contoh-contoh yang spesifik dari kertas-kertas yang ditawarkan.

(30 markah)
4. Mengapakah kefahaman tentang perkembangan kognitif kanak-kanak penting bagi guru sejarah? Bincangkan jawapan anda dalam konteks pemahaman bahasa dan masa kanak-kanak serta kajian-kajian yang telah dibuat mengenainya.

(30 markah)
5. Bincangkan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru sejarah masakini. Cadangkan cara-cara untuk mengatasinya.

(30 markah)

- oooOooo -

